

26 MAY 2005

Najib-Lucah

PENGUNAAN PERISIAN KHAS SEKAT AKSES LAMAN WEB LUCAH DIPERLUAS

PUTRAJAYA, 26 Mei (Bernama) -- Penggunaan perisian khas bagi menyekat akses ke laman web lucah di Internet yang kini digunakan di beberapa jabatan kerajaan, akan diperluaskan untuk meliputi premis seperti sekolah, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Bagaimanapun, kata Timbalan Perdana Menteri, tidak akan ada penapisan Internet di Koridor Raya Multimedia (MSC), kawasan seluas 750 km persegi yang menjadi pusat pembangunan industri teknologi maklumat dan komunikasi negara.

"Di luar kawasan MSC, kita masih terbuka daripada segi apa tindakan yang boleh kita lakukan (untuk menyekat akses ke laman web lucah)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Memperkukuhkan Penyampaian Program Keusahawanan Felda di sini hari ini.

Sebuah akhbar hari ini melaporkan bahawa rakyat Malaysia terutamanya kanak-kanak kini terdedah kepada 1.5 juta laman web lucah di Internet.

Sambil mengakui bahawa kerajaan bimbang dengan kesan negatif di kalangan masyarakat melalui kehadiran laman web seumpama itu, Najib berkata kerajaan akan mencari kaedah untuk mengatasi masalah itu.

Beliau berkata Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan diminta mengkaji satu cadangan supaya ditubuhkan jawatankuasa dianggotai pakar teknologi maklumat bagi mewujudkan perisian untuk dipasang pada komputer di rumah atau pejabat.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pernah menyuarakan kebimbangan berhubung keruntuhan moral generasi muda yang dilihatnya berkait rapat dengan bahan lucah di Internet.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman dilaporkan telah mengarahkan semua ketua jabatan menggunakan perisian tertentu untuk menyekat pinaliran bahan lucah melalui Internet di pejabat kerajaan.

Najib berkata bahawa dalam pada negara menerima penggunaan dan aplikasi teknologi baru yang membawa banyak faedah, kesan negatifnya juga perlu diawasi.

Ditanya tentang kenyataan Dr Mahathir semalam bahawa gejala rasuah di negara ini kini semakin menjadi budaya dan hampir-hampir dilakukan secara terbuka, Timbalan Perdana Menteri berkata masalahnya ialah mereka yang mempunyai maklumat keberatan untuk tampil ke hadapan.

"Banyak orang tahu tapi dia tidak mahu kemukakan maklumat supaya tindakan diambil terhadap mereka yang terlibat (dengan rasuah)," katanya.

Najib berkata Umno juga menghadapi masalah serupa.

"Kita dengar pelbagai cerita tetapi mereka yang hendak tampil ke hadapan dengan bukti yang kukuh sampai ke peringkat boleh dibuat pendakwaan, bilangannya agak kecil," katanya.

Beliau berkata semua pihak perlu sedar bahawa gejala rasuah boleh menghancurkan masa depan negara dan hendaklah sanggup membantu kerajaan dalam usaha membanterasnya, termasuk dalam parti politik.

Ditanya tentang pemerhatian beliau mengenai tahap perlakuan rasuah di negara ini, Najib berkata: "Ianya bergantung kepada tanggapan dan realiti. Orang ramai lebih tahu sebenarnya. Merekalah seharusnya sanggup untuk tampil ke hadapan."

Najib berkata usaha kerajaan membasmi rasuah merupakan sesuatu yang berterusan.

Beliau juga menekankan pentingnya diterapkan nilai-nilai murni di kalangan anggota masyarakat untuk menolak rasuah.

"Gejala ini bukan sahaja boleh merosakkan negara bahkan dicerca oleh agama," katanya.

-- BERNAMA

MAM MAI